

Sepintas

o KUALA LUMPUR

Amira, Hwa tidak sertai AUG

Kontinjen negara ke Sukan Universiti ASEAN (AUG) kehilangan dua atlit prospek pingat emas dalam sukan olahraga menerusi atlit lompat kijang, Noor Amira Nafiah dan baling tukul besi, Tan Song Hwa yang terikat dengan komitmen lain.

Noor Amira adalah pemegang rekod kebangsaan manakala Song Hwa pula pemilik rekod Sukan SEA acara baling tukul besi.

"Kami masih yakin sasaran 36 emas mampu dicapai dan jika perancangan berjalan lancar, kontinjen negara mampu meraih lebih 40 emas," kata Chef De Mission negara, Professor Dr Yahaya Ibrahim ketika Majlis Penyerahan Bendera kepada kontinjen negara di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Pada temasya 2010 di Thailand, kontinjen negara mencipta sejarah meraih 37 emas, 34 perak dan 43 gangsa.